

Headline	Herba kapsul sedia dikomersial		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	256 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,060
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,179



Herba kapsul sedia dikomersial

TUMBUHAN herba seperti mana yang kita ketahui sememangnya memiliki manfaat yang pelbagai kepada manusia.

Apatah lagi di Malaysia kita dikurniakan spesies tumbuhan yang herba sama ada telah dikenal pasti mahupun masih tersembunyi menanti untuk ditemukan.

Manfaat tumbuhan herba itu perlu terus diketengahkan agar masyarakat terus sedar akan kelebihannya berbanding ubat-ubatan moden.

Untuk tujuan tersebut, sekumpulan saintis Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terus meneruskan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan tumbuhan herba dan produk hutan tersebut.

Diketuai Pengarah Bahagian Hasil Semula Jadi, **Dr. Rasadah Mat Ali**, mereka mulai meneroka potensi herba-herba utama yang mudah ditemui.

Jelas Dr. Rasadah antara herba-herba tersebut adalah tongkat ali, kacip fatimah, asam gelugor, hempedu bumi, misai kucing, cucur atap serta roselle.

“Kesemua herba ini kita proses dan kapsulkan untuk dijadikan makanan tambahan dan juga ubat-ubatan khusus.

“Untuk pengetahuan umum, proses mengkapsulkan produk-produk herba ini tidak semudah seperti yang disangka.

“Ia perlu melalui proses-proses tertentu dan kajian yang menyeluruh agar khasiat yang terdapat di dalam tumbuhan herba tersebut tersimpan dengan rapi biarpun setelah ia dikapsulkan,” katanya.

Tambah Dr. Rasadah lagi, ketujuh-tujuh herba tersebut

memiliki kelebihan masing-masing seperti mana yang diamalkan oleh masyarakat negara ini sejak dahulu kala.

Sebagai contoh katanya, ekstrak atau air rendaman tongkat ali kebiasaannya digunakan bagi melegakan demam, ubatan untuk wanita selepas bersalin, bisul, luka dan ulser, sifilis, gusi berdarah, jangkitan usus, bengkak kelenjar, pembekakan tisu lembut serta memulihkan kesihatan.

“Herba ini bukan khusus untuk tujuan memberikan tenaga terutama popular bagi kaum lelaki, malah khasiatnya lebih banyak daripada itu,” katanya.

Seterusnya kacip fatimah, kebiasaannya air rebusan akar tumbuhan tersebut digunakan bagi membantu para ibu untuk mendapatkan semula kekuatan badan, melambatkan kesuburan dan kontraksi semasa kelahiran.

Asam gelugor pula jika di kampung merupakan bahan utama untuk menghilangkan bau hanyir pada ikan atau menambahkan rasa masam dalam makanan.

Walau bagaimanapun, ia juga memiliki pelbagai kegunaan lain seperti digunakan secara tradisional selepas bersalin dengan mencampurkan buah-buahan dengan losyen yang diperbuat daripada cuka.

Selain itu, jus daripada daunnya juga boleh digunakan oleh wanita selepas bersalin.

Bagi herba hempedu bumi pula, ia lebih sinonim dengan pesakit diabetes kerana rasa pahit yang dimiliki oleh tumbuhan tersebut.

Tonik pahitnya juga sering kali digunakan untuk membantu

mengurangkan sakit ciri-birit atau jangkitan pada usus.

Selain itu, daunnya boleh dikunyah terus dan jusnya ditelan atau diletakkan pada luka akibat gigitan ular mahupun serangga berbisa.

Bagi herba misai kucing pula, ia lebih banyak digunakan untuk merawat keradangan pada tonsil, selesema, batu karang, batu pundi hempedu, sakit sendi dan otot, kandungan gula yang tinggi, tekanan darah tinggi, pembengkakan tisu lembut, keradangan hati serta jaundis.

Cucur atap pula sering digunakan untuk melegakan demam, menggalakkan aliran haid dan juga untuk digosok pada badan selepas bersalin.

Terakhir adalah roselle yang seperti mana kita ketahui banyak digunakan sebagai ubatan tradisional untuk membantu merawat batu karang.

Jus roselle juga banyak digunakan untuk menghalang bakteria dan pertumbuhan kulat, mengurangkan kolestrol, menggalakkan pembuangan air kecil dan membantu merawat gout.

Sehingga kini semua produk herba yang telah dikapsulkan tersebut sedia untuk dikomersialkan dan FRIM menanti pihak-pihak yang berminat untuk memasarkannya.



DR. RASADAH MAT ALI